

24 SEP 2001

Sarawak-Bruit

PULAU BRUIT AKAN DIJADI TEMPAT PROGRESIF

SEMOP (Bahagian Sarikei), 24 Sept (Bernama) -- Pulau Bruit, sebuah perkampungan nelayan dan pertanian yang menarik dengan kira-kira 13,000 penduduk akan dibangunkan sebagai tempat progresif dalam tempoh tujuh tahun dari sekarang.

Kawasan itu merupakan tempat yang paling ketinggalan di negeri ini dengan 60 peratus penduduknya masih hidup dalam kemiskinan kerana kedudukannya yang terpencil.

Bagaimanapun, sejak 1990, kerajaan negeri telah cuba mewujudkan kemudahan perhubungan ke kawasan itu dengan melaksanakan projek jalan.

"Dalam tempoh tiga tahun dari sekarang, dengan bantuan kerajaan Persekutuan, Pulau Bruit akan dihubungkan dengan tempat-tempat lain di negeri ini melalui jalan raya," kata Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian projek bekalan air berharga RM55 juta bagi kawasan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata ia akan dihubungkan ke kawasan berdekatan iaitu perindustrian berasaskan balak dan kawasan perikanan laut Tanjung Manis dan Paloh, kawasan ladang padi komersil pertama di negeri ini

Katanya kerajaan juga cuba menyediakan bekalan air dan elektrik ke lebih banyak kawasan di pulau itu.

"Ini perlu dilakukan jika kita mahu mempelawa pelabur ke kawasan ini yang mempunyai potensi besar bagi pertanian kerana tanahnya yang subur," katanya.

Penyandang Barisan Nasional (BN) bagi Serdeng yang turut meliputi Pulau Bruit, Datuk Mohd Asfia Awang Nassar ketika berucap berkata Serdeng dan kawasan-kawasan berdekatan iaitu Matu-Daro dan Belawai merupakan kubu tradisi BN.

Bagi pihak rakyat, beliau melahirkan penghargaan kepada kerajaan bagi projek bekalan air itu serta pengisytiharan Pulau Bruit sebagai pusat pertumbuhan luar bandar di negeri ini pada 25 Jun.

Perisytiharan itu telah membolehkan kawasan itu mendapat perhatian khas daripada kerajaan berhubung perkara-perkara pembangunan.

-- BERNAMA

ESS RHM